

25/05/2003

Perdana Menteri lepaskan perenang cabaran Selat Melaka

KUALA PERLIS: Perenang marathon negara yang dalam persiapan merentasi Selat Inggeris, Abdul Malik Mydin, memulakan cabaran berenang mengharungi Selat Melaka sejauh 48 kilometer dari sini ke Kuah, Langkawi, malam tadi.

Abdul Malik, 28, yang berenang menggunakan sangkar khas berenjin bagi mengelak serangan haiwan laut, dilepaskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri

Dr Mahathir Mohamad, dari Jeti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia di sini jam

9.40 malam tadi dalam cuaca baik.

Turut hadir, Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim; Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Azmi Khalid, ahli Exco, wakil rakyat dan lebih 5,000 penduduk.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir menyifatkan misi Abdul Malik di Selat Melaka lebih mencabar berbanding Selat Inggeris kerana perairan tempatan mempunyai pelbagai halangan termasuk obor-obor.

Katanya, usaha Abdul Malik itu menggambarkan semangat masa depan rakyat

Malaysia dan disiplin yang tinggi.

"Rakyat Malaysia kini tahu mereka boleh buat (sesuatu) sama dengan orang

lain, malah lebih baik daripada mereka.

"Hari ini kita boleh lihat rakyat Malaysia yang sanggup terjun guna payung terjun di Kutub Utara dan belayar mengelilingi dunia," katanya.

Sambil melahirkan keyakinan Abdul Malik akan berjaya, Dr Mahathir berkata, perenang itu pernah berjumpa beberapa kali sebelum ini untuk menunjukkan minat mengharungi Selat Inggeris.

"Saya percaya Malik sudah bersedia sejak tiga tahun dulu kerana sudah tiga tahun dia buru (cuba yakinkan) saya," katanya.